

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92**

Mac/April 1992

PDP 480 – Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan semuanya. Jawab Soalan No. 1 yang diwajibkan serta pilih dan jawab mana-mana DUA soalan lain.

1. Berdasarkan rancangan pengajaran anda selama 40 minit di Tingkatan VI Atas, anda berhasrat untuk memberi kemahiran kepada pelajar anda mengenai cara mengira nilai inventori barangniaga dengan menggunakan kaedah MDKD (Masuk Dulu Keluar Dulu).

Berikut adalah maklumat yang menunjukkan pergerakan inventori dalam Syarikat SKT pada bulan April 1988.

April 1 – Beli 3,000 unit pada harga \$2.50 seunit.
8 – Beli 1,500 unit pada harga \$2.60 seunit.
10 – Jual 4,000 unit pada harga \$3.00 seunit.
15 – Beli 4,000 unit pada harga \$2.80 seunit.
20 – Jual 3,500 unit pada harga \$3.20 seunit.
25 – Beli 1,000 unit pada harga \$3.00 seunit.

- [A] Berdasarkan maklumat di atas, buat kiraan kos barang dijual, nilai inventori akhir dan untung kasar untuk bulan April 1988.

[15 markah]

- [B] Nyatakan istilah-istilah yang perlu benar-benar difahami oleh pelajar agar ianya dapat diguna untuk menyelesaikan masalah-masalah lain bersesuaian dengan kaedah MDKD.

[5 markah]

- [C] Bincangkan kriteria-kriteria yang perlu diambil kira dalam pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran agar objektif yang ditetapkan tercapai.

[10 markah]

- [D] Bincangkan secara kritis mengenai cara-cara yang boleh anda laksanakan agar kemahiran yang dikuasai ini dapat dikekalkan melalui peningkatan daya ingatan pelajar.

2. Keusahawanan adalah tajuk utama yang diberi penekanan dalam sukatan pelajaran mata pelajaran "perdagangan" masa kini.

- [A] Bincangkan konsep-konsep utama yang perlu dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan. Perbincangan anda seharusnya merangkumi nilai-nilai dan sikap yang seharusnya ada pada seseorang usahawan. Bincangkan juga peranan yang boleh dimainkan oleh seseorang usahawan untuk kesejahteraan bangsa dan negara sesuai dengan Wawasan 2020.

[15 markah]

- [B] Sebagai seorang guru mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan, beri pendapat anda tentang prinsip-prinsip pengajaran yang harus diamalkan. Perbincangan ini bolehlah disesuaikan dengan pandangan Alberta (1981) yang dinyatakan oleh S. Sukumaran (1991).

[15 markah]

3. [A] Bincangkan mengenai kekurangan-kekurangan yang terdapat pada aktiviti-aktiviti pengajaran-pembelajaran perdagangan dan perakaunan masa kini.

[10 markah]

- [B] Sebagai seorang guru mata pelajaran ini yang bertanggung jawab, anda tentunya melaksanakan aktiviti pengajaran yang dapat mencapai hasil pembelajaran mengikut objektifnya dalam suasana yang sihat, menarik, seronok, bersemangat, demokratik, tenang dan berdisiplin.

Dengan itu bincangkan :

- ciri-ciri pengajaran efektif dari segi perancangan
- ciri-ciri pengajaran efektif dari segi pelaksanaan
- ciri-ciri pengajaran efektif dari segi penilaian

[20 markah]

4. Seseorang guru mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan ditugaskan mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat menengah rendah. Keadaan ini menyebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di bengkel-bengkel Kemahiran Manipulatif. Oleh itu aspek-aspek keselamatan dan pengurusan bengkel perlu juga diberi perhatian.

- [A] Sediakan satu peraturan am yang semestinya dipatuhi oleh pelajar-pelajar anda, semasa melaksanakan aktiviti-aktiviti amali di bengkel-bengkel Kemahiran Manipulatif.

[10 markah]

- [B] Bincangkan kemungkinan masalah-masalah yang akan anda hadapi dalam hal melaksanakan pengurusan bengkel-bengkel Kemahiran Manipulatif.

[10 markah]

- [C] Kemukakan beberapa saranan yang anda fikirkan sesuai untuk tujuan menyelesaikan masalah-masalah pengurusan bengkel seperti yang anda nyatakan di atas.

[10 markah]

5. [A] Masukkan rekod urusniaga berikut ke dalam jurnal belian dan bukukan ke dalam lejar dengan catatan beregu.

Januari 4	Belian barang-barang dengan kredit daripada S. Tan bernilai	\$ 510.00
7	Belian daripada A. Merican barang-barang bernilai dan diberikan 15% potongan perniagaan atas bil	\$ 400.00
16	Beli barang-barang dengan kredit daripada S. Tan bernilai dan potongan perniagaan yang diterima daripadanya ialah 12%	\$1000.00
29	Belian barang-barang secara kredit daripada Ahmad Ismail bernilai	\$ 375.00

[10 markah]

- [B] Berdasarkan permasalahan di atas, bincangkan pelaksanaan integrasi antara mata pelajaran berdasarkan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang anda laksanakan.

[10 markah]

- [C] Bincangkan cara-cara pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni dalam melaksanakan pelajaran di atas.

[10 markah]

---- 0000000000 ----

